

# Negara asing minat konsep Islam Hadhari

BH - 25/9/2004: 2 fardana

KUALA LUMPUR: Konsep Islam Hadhari bukan saja diterima baik oleh pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), tetapi juga wakil pertubuhan politik di luar negara yang menghadiri perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-55 kelmarin, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, Perdana Menteri berkata, ada perwakilan asing terbabit, termasuk dari negara Asia Barat, yang mengundangi pemimpin Malaysia membincangkan Islam Hadhari di negara mereka dengan harapan kemungkinan boleh dilaksanakan di sana.

"Semalam selepas saya memberi ucapan, saya duduk dengan Presiden MCA, MIC dan PBS. Kami berbual dan mereka berkata mereka gembira mendengar apa yang saya katakan. Tiada yang kata tak suka.

Mereka kata Pak Lah, pemimpin Islam seperti anda, saya tidak ada masalah. Saya fikir itu pujian yang bermakna.

"Saya juga berkesempatan menemui pemimpin pelbagai parti politik asing yang datang sebagai pemerhati. Mereka bercakap mengenai Islam Hadhari dan amat gembira serta menyatakan ia sesuatu yang hendak mereka pelajari," katanya pada sidang akhbar selepas perhimpunan agung Umno hari kedua, ditangguhkan petang semalam.

Ketika menyampaikan ucapan dasar sulungnya di perhimpunan agung Umno kelmarin, Perdana Menteri buat pertama kali menjelaskan secara terperinci dalam bentuk tulisan konsep Islam Hadhari yang bertujuan melahirkan umat Islam/Melayu yang lebih baik dalam semua aspek kehidupan.

Abdullah berkata, perwakilan asing pula berpendapat konsep Islam Hadhari bukan saja sesuai dilaksanakan di Malaysia, tetapi juga di negara yang mana masyarakat Islam adalah kumpulan minoriti.

"Saya rasa ini adalah sesuatu yang baik dan kita sedia berkongsi pengalaman. Misal-

nya, ada satu negara Islam kecil yang majoriti rakyatnya umat Islam tetapi mempunyai 50 kumpulan etnik. Mereka nak tahu bagaimana untuk mengendalikan kumpulan etnik itu," katanya.

Presiden Umno berkata, beliau mengambil masa agak panjang menjelaskan konsep Islam Hadhari sehingga 15 perenggan dalam ucapannya kelmarin, supaya ia dapat diambil dan dijadikan risalah untuk diedarkan kepada orang ramai.

"Islam Hadhari ini bukan untuk dilaksanakan oleh parti Umno saja tetapi seluruh negara," katanya.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata lawatan sulung Perdana Menteri baru Singapura, Lee Hsien Loong ke sini bulan depan akan membuka peluang bagi perbincangan pelbagai isu membabitkan kepentingan kedua-dua negara.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak mahu terlalu mengharap banyak perkara dapat dibincangkan kerana kunjungan Lee itu terlalu singkat.

"Saya belum memutuskan apa yang kami akan bincangkan tetapi bila kami berbincang akan ada peluang untuk membincangkan pelbagai perkara.

"Lawatannya ke sini adalah cukup singkat, sekadar apa yang pemimpin baru akan lakukan di mana-mana



**ABDULLAH** menyerahkan kepada perwakilan untuk menilai apabila pembahas dari Pahang, Datuk Shahiruddin Ab Moin memuji pentadbirannya.

negara Asean iaitu 'hello, hello, hai, hai, saya sudah berada di sini, mari kita bincangkan beberapa perkara," katanya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam temubual dengan Berita Harian baru-baru ini berkata isu tertunggak di antara

Malaysia dan Singapura mungkin dibincangkan kedua-dua pemimpin terbabit.

Wisma Putra sedang merangka cadangan baru berhubung isu tertunggak itu untuk diputuskan Abdullah dan dikemukakan kepada Lee kelak.

**CAP PERAHU LAYAR**

**MINYAK "U-I" WONG CHEUNG WAH**

Pengubatan:

- Untuk sakit kepala, selesama dan gigitan serangga
- Ubat ini berkesan bagi orang dewasa dan kanak-kanak

Agensi:

**WENG THYE HENG SDN. BHD.** (12023-P)  
18, Lebuh Chulia, 10200 Pulau Pinang.  
(Istiadat Pembedaan Herba)  
K.K.L.I.U. 0090/2002/A

Kandungan botol 12.5 ml atau 25 ml